

IRSYAD HUKUM (PANDUAN HUKUM) BIL. 22
PENGUNAAN e-WALLET MENGIKUT PERSPEKTIF SYARAK


Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak yang bersidang pada tarikh 25 Zulhijjah 1442H bersamaan 4 Ogos 2021M telah memperaku untuk menerima pakai keputusan Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam (MKI) Kali Ke-117 sebagai Irsyad Hukum (panduan Hukum) mengenai Penggunaan *e-wallet* mengikut Perspektif Syarak. Jawatankuasa berpendapat Penggunaan *e-wallet* adalah diharuskan dengan syarat menepati parameter yang ditetapkan seperti berikut:

- i. Urus niaga melibatkan transaksi digital hendaklah dilakukan melalui Operator *e-wallet* yang diluluskan dan dikawal selia oleh pihak berautoriti sahaja;
- ii. Pengguna dan Operator hendaklah mempunyai pengetahuan berkenaan penggunaan *e-wallet*, memahami hak dan tanggungjawab mereka selaku pihak yang berakad;
- iii. Dalam pematuhan transaksi ini, Operator dinasihatkan untuk mendapatkan khidmat nasihat syariah daripada Penasihat Syariah yang bertauliah;
- iv. Hendaklah tiada unsur paksaan;
- v. Operator hendaklah menyatakan dengan jelas kontrak yang digunapakai dan implikasi kepada pengguna;
- vi. Operator hendaklah memastikan terdapat mekanisme pemulangan wang (*refund*) apabila pengguna menutup akaun atau apabila berlaku kematian kerana wang tersebut milik pelanggan atau waris pelanggan; dan
- vii. Pengguna hendaklah menggunakan *e-wallet* patuh Syariah.

Tarikh : 28 Julai 2022

No. fail : MN.Pk.A351.IST/05/9 JLD. 9

Saya yang menjalankan amanah


(Dato' Haji Zamri bin Hashim)
Timbalan Mufti Negeri Perak